

Hariz Fayahet mahu jadi ilmuwan seni

SELAKU juara pertandingan *Bintang RTM 2018* (BRTM 2018), Fariz Fayahet akui, gemerlap bintang kelahiran program tersebut semakin pudar sinarnya kebelakangan ini setelah wujudnya saingan daripada pelbagai rancangan baharu.

Hariz atau Fadhli Hariz, 25, Fayahet bagaimanapun enggan mengalah dan percaya terhadap kredibiliti pasukan produksi Radio Televisyen Malaysia (RTM) selaku penerbit program tersebut untuk mengatur strategi memasarkan produk mereka.

"Ya, saya sedar bahawa terdapat beberapa juara *Bintang RTM* yang namanya tenggelam dihanyutkan arus populariti penyanyi kelahiran program lain yang lebih diberi perhatian.

"Namun selain percaya kepada bakat dan rezeki ketentuan Ilahi, RTM telah banyak membekalkan kami dengan pelbagai jenis ilmu untuk berhadapan pancaroba dunia seni supaya kami kekal bertahan," ujarnya.

Melihat kejayaan juara *Bintang RTM 2009*, Ernie Zakri baru-baru ini, ternyata memberi semangat jitu

kepada Hariz untuk tidak putus harap terhadap penerimaan peminat.

"Saya tidak kisah menunggu lama untuk bakat saya dihargai atau diri saya dikenali kerana yakin setiap rezeki manusia itu hadir dalam pelbagai bentuk untuk dinikmati," katanya yang berasal dari Bangi, Selangor.

Merupakan mahasiswa lepasan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam jurusan Ijazah Sains Sosial dan masih lagi menuntut di institusi sama bagi pengajian peringkat sarjana dalam bidang Pengurusan Seni, Hariz mahu keunikannya jadi bonus.

Menurutnya, menjadi seorang yang berilmu tinggi atau ilmuwan adalah satu keunikan untuk membawa bidang seni ke



(DARI KIRI) Hafiz, Hariz dan Heidi unggul sebagai tiga pemenang terbaik *Bintang RTM 2018*.

tahap yang lebih tinggi sekali gus disegani semua pihak.

"Secara peribadi saya kurang bersetuju dengan pendapat kebanyakan orang yang mengatakan tidak perlu belajar

tinggi untuk bergelar artis. Segala-galanya perlu seiring untuk terus maju.

"Ini kerana setiap bidang diceburi, perlu ada ilmu di dada supaya kita mampu meneroka dengan lebih mendalam. Ilmu tidak semestinya diperolehi berdasarkan kelulusan akademik dari universiti semata-mata tetapi juga dari pelbagai sudut pembelajaran yang tidak formal," hujahnya memberi pendapat.

Final BRTM 2018 disiarkan secara langsung di TV2 malam Sabtu lalu menyaksikan enam finalis berentap merebut kejuaraan ke-20 yang dipertaruhkan.

Selain Hariz, finalis lain ialah Heidi Vanessa yang memenangi tempat kedua manakala Hafiz Zainal berada di kedudukan ketiga.

Tiga lagi peserta ialah Yasser Sharifudin, Ferona Paimin dan Anna Abu Hanipah.

Kesemua permarkahan dinilai secara profesional dengan diketuai oleh Datuk Mokhzani Ismail serta tiga juri - Datuk Syafnaz Selamat, Datuk Ramli MS dan Adibah Noor. - IFQDAR RAHMAN



SERASI... Gandingan Misha Omar dan Aqasha sebagai pengacara *Bintang RTM 2018*.



ENAM finalis yang bertanding pada peringkat akhir pada Sabtu lalu.

TEMPAT KETIGA - HAFIZ ZAINAL, 26

"MESKIPUN bergelar doktor gigi, saya tidak mahu kerjaya profesional tersebut menjadi batu penghalang untuk meneruskan minat dalam bidang nyanyian.

"Saya menjadikan Allahyarham Datuk Sudirman sebagai idola kerana dulunya dia adalah seorang peguam yang aktif sebagai penyanyi.

"Diharap, saya dapat imbangkan kedua-dua karier ini pada masa akan datang jika rezeki dalam bidang seni berpihak kepada saya."

HAFIZ juga memenangi kategori Persembahan Terbaik.

NAIB JUARA - HEIDI VANESSA, 24

"DIUMUMKAN selaku pemenang tempat kedua adalah sesuatu yang amat mengejutkan kerana sejujurnya, saya bimbang dengan pemilihan lagu yang dinyanyikan sewaktu final.

"Kerana rentak atau genre jazz kurang digemari oleh kebanyakan peminat muzik di negara kita apatah lagi orang muda yang mengikuti rancangan ini.

"Jadi, saya cuba lakukan yang terbaik atas dasar minat supaya dapat menarik minat semua."

HEIDI VANESSA merupakan penuntut UTM dalam bidang muzik.

JUARA dan Vokal Terbaik milik Hariz Fayahet.